



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
Email : kkm@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 17/2013 (21 hingga 27 April 2013)

‘Peningkatan kes Demam Denggi’

Satu kematian akibat Denggi melibatkan seorang akauntan lelaki berumur 38 tahun telah dilaporkan berlaku di WP Kuala Lumpur & Putrajaya. Kumulatif kematian Denggi sehingga Minggu ke 17 tahun 2013 adalah sebanyak 15 kematian berbanding 18 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2012. Hasil siasatan menunjukkan pesakit mendapat jangkitan Denggi di luar negara dan mendapatkan rawatan 2 hari selepas pulang dari luar negara. Pesakit meninggal dunia selepas 5 hari dirawat di hospital kerana mengalami komplikasi iaitu *Dengue Shock Syndrome*. Masyarakat setempat telah mengambil inisiatif untuk menjalankan aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan persekitaran dan menghapuskan tempat-tempat yang berpotensi untuk pembiakan Aedes bagi memastikan tiada lagi jangkitan Denggi berlaku di kawasan tersebut.

Sejumlah 500 kes demam Denggi telah dilaporkan sepanjang minggu lepas, di mana Johor telah menunjukkan peningkatan kes yang ketara (136%) dengan 85 kes yang dilaporkan berbanding 36 pada

minggu sebelumnya. Manakala negeri-negeri lain yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya ialah WP Kuala Lumpur & Putrajaya 28 kes (82%), Sarawak 7 kes (37%), Negeri Sembilan 6 kes (46%), Melaka 3 kes (60%), Selangor 2 kes (1%) dan masing-masing 1 kes di di Perlis (100%) dan Pulau Pinang (11%). (Lampiran A). Jumlah kumulatif kes Denggi dilaporkan adalah 7,913, berbanding 8,404 kes bagi tempoh yang sama tahun 2012, iaitu penurunan sebanyak 6% (491 kes).

Sejumlah 78 lokaliti wabak di 17 daerah dipantau di seluruh negara iaitu melibatkan 41 lokaliti di Selangor, 15 lokaliti di Johor, 5 lokaliti di Perak, 3 lokaliti di Negeri Sembilan, 2 lokaliti di Kelantan dan 1 lokaliti di Sabah. Terdapat satu lokaliti *hotspot* di Kg. Baru Liman, Kuala Kangsar, Perak dengan kadar pembiakan *Aedes* antara 1.9% hingga 7.0% (Lampiran B). Pihak kesihatan telah menjalankan operasi secara besar-besaran di kawasan ini bagi menggempur *Aedes* dengan memeriksa 3,127 premis dan daripada jumlah itu 47 premis dengan 55 bekas didapati mempunyai pembiakan *Aedes*. Sejumlah 19 kompaun bernilai RM 9,500 telah dikeluarkan kepada penduduk yang didapati mempunyai pembiakan *Aedes*.

Sementara itu pemeriksaan pembiakan *Aedes* yang dijalankan seluruh negara mendapati 1,429 premis adalah positif pembiakan *Aedes* daripada keseluruhan 100,271 buah premis yang diperiksa. Kadar pembiakan *Aedes* mencatatkan nilai 1.43% melebihi nilai sensitif 1.0% dan 8 buah negeri mempunyai kadar pembiakan *Aedes* yang tinggi iaitu Pulau Pinang (2.6%), Sarawak (2.4%), WPKL (2.1%), Selangor (2.1%), Sabah (1.6), Perlis (1.4%), Johor (1.4%) dan Kelantan (1.4%). Dari Januari hingga Mac 2013, sebanyak 3,581 pemilik premis telah

dikenakan kompaun diseluruh negara dengan nilai RM 1,774,500 manakala 161 kes telah didapati bersalah oleh mahkamah dan dikenakan denda dengan nilai keseluruhannya sebanyak RM 80,380. Selagi tempat pembiakan Aedes tidak dimusnahkan, selagi itu risiko jangkitan Denggi akan terus berlaku. ***'TIADA AEDES, TIADA DENGGI'***

DATUK DR LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Kementerian Kesihatan Malaysia

29 April 2013

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 17/2013
(24 hingga 27 April 2013)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 17/2013	Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 17/2012
		Minggu 17 (21 – 27 April 2013)	Minggu 16 (14 – 20 April 2013)		
1	Perlis	2	1	49	70
2	Kedah	16	16	247 (1)	267 (1)
3	P. Pinang	10	9	229	305 (1)
4	Perak	39	45	679	579 (1)
5	Selangor	191	189	3,404 (1)	3,777 (9)
6	WPKL & Putrajaya	62 (1)	34	622 (4)	911 (3)
7	N. Sembilan	19	13	166	148 (1)
8	Melaka	8	5	156	241
9	Johor	85	36	776 (6)	565
10	Pahang	2	7	182	265 (1)
11	Terengganu	5	5	69	299
12	Kelantan	28	34	469	461
13	Sarawak	26	19	608 (2)	350
14	Sabah	7	9	257 (1)	160 (1)
15	WP Labuan	0	0	0	6
	Jumlah	500 (1)	422	7,913 (15)	8,404 (18)

Nota: () Kematian

* Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan.

Lampiran B

SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" SEHINGGA 27 APRIL 2013 (Mg 17)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	PERAK	K.KANGSAR	KG BARU LIMAN	10	35